

Kerajaan kaji semula dasar pendidikan: PM

BH-15/11/2020 m/s: 2

Dr Mahathir ada perancangan, perlukan sedikit masa teliti setiap penambahbaikan bakal dilakukan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengkaji semula dasar yang dipkenalkan Kementerian Pendidikan sebelum ini terutama yang mendapat kritikan pelbagai pihak termasuk rakyat.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Menteri Pendidikan, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau sudah mempunyai perancangan dan idea untuk menambah baik sistem pendidikan negara.

“Sekarang ini saya sudah ada beberapa idea mengenai apa yang perlu dilakukan untuk baik sistem pendidikan.

“Kita dapati banyak perkara perlu kita kaji semula, sama ada ia baik atau tidak. Kita dapati

orang ramai biasanya buat teguran. Kita ambil kira teguran mereka sama ada kita perlu buat perubahan atau pun tidak,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media selepas menjadi panel khas pada Forum Integriti Bank Rakyat 2020, di Menara Bank Rakyat di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawani, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof dan Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Noripah Kamso.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu lalu bersetuju Dr Mahathir memangku jawatan Menteri Pendidikan berkuat kuasa 3 Januari, susulan peletakan jawatan menterinya, Dr Maszlee Malik.

Kementerian Pendidikan sebelum ini dikaitkan berdepan pelbagai isu antaranya, pelaksanaan tulisan Jawi, pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) di Semenanjung Malaysia dan Program Sarapan Percuma (PSP).

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, beliau memerlukan sedikit masa untuk meneliti setiap penambahbaikan yang akan dilakukan.

“Saya baru jadi pemangku

beberapa hari saja dan dalam proses mendapatkan taklimat mengenai peranan Menteri Pendidikan dan berbincang dengan beberapa kawan,” katanya.

Matlamat pendidikan katanya, mesti jelas iaitu melahirkan masyarakat yang boleh berdikari dan bukan hanya menanti bantuan kerajaan.

“Tujuan kita ialah untuk mendidik anak-anak supaya apabila mereka membesar, dapat hidup sempurna, boleh cari kerja, cari makan dan boleh menjadi orang yang produktif dan bukan yang hanya menanti bantuan,” katanya.

Ditanya cadangan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP) agar kerajaan memasukkan Influenza A dalam senarai jenis penyakit berjangkit yang diberikan kemudahan cuti kuarantin, Dr Mahathir berkata, beliau sedia menelitinya.

Setiausaha Agung NUTP, Harry Tan Huat Hock, dalam satu kenyataan menyatakan, berdasarkan situasi terkini penularan Influenza A dalam negara, cuti kuarantin perlu diberi kepada guru dan pelajar yang dijangkiti virus terbahit.